

→ EHWAL ANTARABANGSA

IKTIRAF BAITULMAQDIS IBU NEGARA ISRAEL

Info

Kesalahan Trump

→ Melanggar resolusi diluluskan PBB, iaitu Baitulmaqdis sebagai corpus separatum atau hak eksklusif kepada Palestin
→ Membuat keputusan secara lateral dan melanggar Resolusi Majelis

Keselamatan 476 dan 478 yang menetapkan Baitulmaqdis tidak boleh dijadikan ibu negara Israel.
→ Melanggar keputusan Mahkamah Agung AS yang memutuskan Israel tidak berhak membuat

penempatan di Baitulmaqdis
→ Melanggar keputusan Mahkamah Keadilan Antarabangsa (ICJ) pada 2004 bahawa pendudukan Israel di Baitulmaqdis



(FOTO LAIQMAN HAKIM ZUBIR/BH)

Ahli panel (dua dari kiri) Awang Suffian, Mohd Roslan, Azmul Fahimi dan Salawati pada Bicara Persada ke-41-Trump Vs Dunia: Baitulmaqdis (Jerusalem) milik siapa? anjuran UKM dan Aman Palestin, di Bandar Baru Bangi, semalam.

'Trump penjenayah perang'

Opinio Juris sedia draf heret Presiden AS ke muka pengadilan antarabangsa

Oleh Mohd Anwar Patho Rohman
wananwar@bh.com.my

► Bangi

Presiden Donald Trump akan diheret ke muka pengadilan antarabangsa dan diisytiharkan sebagai penjenayah perang susulan keputusannya mengiktiraf Baitulmaqdis sebagai ibu negara Israel.

Sebuah pertubuhan yang mengumpulkan pengamal undang-undang antarabangsa dikenali sebagai Juri Perunda-

ngan Antarabangsa atau Opinio Juris kini sedang merangka draf bagi mengisytiharkan Presiden Amerika Syarikat (AS) itu melakukan jenayah perang.

Draf diserahkan kepada PBB
Wakil Opinio Juris Malaysia, Prof Madya Dr Salawati Mat Basir, berkata draf berkenaan dijangka diserahkan kepada Majelis Keselamatan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) tahun depan supaya tindakan sewajarnya dapat dilakukan dengan segera terhadap Trump.

Katanya, inisiatif dilakukan Opinio Juris ini untuk menyedarkan masyarakat antarabangsa bahawa tindakan Trump melanggar resolusi diluluskan PBB, iaitu Baitulmaqdis sebagai corpus separatum atau hak eksklusif kepada Palestin.

"Tindakan Trump itu secara terang-terangan mencabuli resolusi PBB dan undang-undang antarabangsa, sebab itu kamu akan membuat draf untuk mengisytiharkan Presiden AS berkenaan melakukan jenayah perang.

"Trump secara jelas melanggar empat undang-undang dan

resolusi diluluskan PBB berhubung status Baitulmaqdis dan berharap negara dunia, terutama negara Islam turut menentang tindakannya itu," katanya.

Beliau berkata demikian kepada media selepas program Bicara Persada ke-41-Trump Vs Dunia: Baitulmaqdis (Jerusalem) milik siapa? anjuran Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) dan Aman Palestin di Bandar Baru Bangi, semalam.

Kesalahan Trump

Salawati yang juga Timbalan Penasihat Undang-undang UKM berkata, kesalahan Trump ialah membuat keputusan itu secara lateral dan melanggar Resolusi Majelis Keselamatan 476 dan 478 yang menetapkan Baitulmaqdis tidak boleh dijadikan ibu negara Israel.

Trump turut melanggar keputusan Mahkamah Agung AS yang memutuskan Israel tidak berhak membuat penempatan di Baitulmaqdis dan keempat, melanggar keputusan Mahkamah Keadilan Antarabangsa (ICJ) pada 2004 bahawa pendudukan Israel di Baitulmaqdis Timur tidak sah.

Pendirian Malaysia bukti tak tunduk kuasa besar

Kenyataan dan pendirian disuarakan Malaysia berhubung status Baitulmaqdis pada Sidang Kemuncak Luar Biasa Pertubuhan Kerjasama Islam (OIC) pada Selasa lalu disifatkan sebagai tegas serta berani.

Timbalan Pengarah Penyelidikan dan Pembangunan, Pusat Pengajian Islam Universiti Malaya (UM), Prof Madya Dr Mohd Roslan Mohd Nor, berkata ia membuktikan Malaysia tidak tunduk kepada kuasa besar dalam pendiriannya mempertahankan Baitulmaqdis sebagai ibu negara Palestin.

"Apabila ada negara kuasa penting Islam tidak menghantar pemimpin utama mereka, sebaliknya menghantar wakil atau menteri luar, Malaysia pula.

"Pendirian dan kenyataan Malaysia dalam isu Baitulmaqdis ini satu tindakan berani. Apabila ada ketua negara Islam tidak hadir, bermakna ketua mereka berjaya dilunakkan oleh Israel.

"Malaysia pula lantang dan tegas dengan pendirian dengan mempertahankan Baitulmaqdis kekal sebagai ibu negara Palestin," katanya.

Beliau berkata demikian sebagai ahli panel dalam program Bicara Persada ke-41-Trump Vs Dunia: Baitulmaqdis (Jerusalem) milik siapa? anjuran Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) dan Aman Palestin di Bandar Baru Bangi, semalam.

Yang turut menjadi ahli panel ialah Ketua Pegawai Eksekutif Aman Palestin Berhad, Awang Suffian Awang Pute; Ketua Jabatan Pengajian Arab dan Tamadun Islam UKM, Dr Azmul Fahimi Kamaruzaman dan Timbalan Penasihat Undang-undang UKM, Prof Madya Dr Salawati Mat Basir.

Peka taktik AS

Pengerusi Jawatankuasa Bahagian Baitulmaqdis, Kesatuan Ulama Sedunia, Dr Muraweh Musa Nassar turut hadir sebagai tetamu khas dan menyampaikan ucapan utama sempena program bicara itu.

Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak ketika berucap pada sidang kemuncak OIC itu mengiktiraf Baitulmaqdis sebagai ibu negara Palestin dan mengesa masyarakat dunia untuk mengambil tindakan sama.

Awang Suffian pula berkata, pengiktirafan Trump itu menunjukkan Amerika Syarikat (AS) secara tidak langsung mengiktiraf kewujudan Israel sebagai sebuah negara.

"Nampak jelas dalam hal ini AS sebenarnya mengiktiraf negara haram Israel kerana secara logik apabila wujud sebuah negara, mesti ada ibu negara. Inilah permainan politik AS yang harus disedari kita," katanya.

Azmul Fahimi pula berkata, sudah sampai masa bagi negara Islam mewujudkan pakatan yang lebih bersatu dan teguh untuk menyelesaikan konflik Baitulmaqdis dengan Israel serta AS.

Katanya, jika masalah ini berlarutan tanpa penyelesaian jitu, akan muncul fasa baharu kepada sistem geopolitik dunia seperti peningkatan aktiviti keganasan selain tercetus peperangan.



Keratan akhbar
BH bertarikh
18 Disember lalu.